

Tiada lagi tekanan terhadap EAEG: PM

BH 25 MAY 2002

SUBANG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tekanan Barat termasuk daripada Amerika Syarikat terhadap usaha Malaysia membentuk Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), sudah tidak kedengaran lagi.

Perdana Menteri menyifatkan 'ketiadaan suara bantahan' terhadap pembentukan EAEG termasuk daripada pentadbiran Presiden George W Bush adalah satu kemajuan besar kepada cadangan Malaysia

mengadakan perjumpaan yang berjaya dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, yang memberi jaminan untuk terus membantu Malaysia.

Isu yang dibincangkan termasuk pinjaman mudah bagi projek prasarana di Malaysia serta penubuhan Sekretariat Asean + 3 sebagai permulaan ke arah pembentukan rasmi EAEG. Jepun menyokong cadangan bagi sekretariat itu di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Sekretariat Asean + 3 itu

Jepun sokong hasrat Malaysia jadi sekretariat Asean + 3

BH 25 MAY 2002

Lawatan PM ke Jepun, Korea Selatan perkukuh hubungan dua hala - Muka 2

yang mula dikemukakan 12 tahun lalu.

Malah, beliau berkata, penubuhan Sekretariat Asean + 3 (Jepun, Korea dan China) sebagai permulaan ke arah pembentukan rasmi EAEG mendapat sokongan dua negara yang baru dilawatnya iaitu Jepun dan Korea Selatan.

"Setakat ini tidak ada bukti yang mereka (Amerika) menentang. Pentadbiran Bush taklah menyatakan mereka menentang. Lagi pun kita dapati minat terutama Korea untuk mengadakan Asean + 3 yang akan menjadi EAEG, begitu kuat sekali.

"Presiden (Korea Selatan), Kim Dae-Jung sendiri memberi pendapatnya yang sedar tentang perlu adanya EAEG," katanya dalam sidang akhbar sekembali dari lawatan lima hari ke Jepun dan Korea Selatan di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, petang ini.

Ketika lawatannya ke Tokyo, Isnin lalu, Dr Mahathir

belum menjadi kenyataan kerana ia memerlukan permuafakatan negara anggota Asean yang lain.

"Ada negara-negara lain yang tidak memberi apa pun kenyataan, sama ada mereka sokong atau tidak. Kita hanya membuat tawaran saja," katanya.

Ditanya negara Asean mana yang menentang inisiatif Malaysia itu, beliau enggan mendedikannya.

EAEG diilhamkan oleh Dr Mahathir pada 1990 dan pada mulanya mendapat bantahan Amerika Syarikat kerana bimbang ia akan menjadi satu blok ekonomi. Berikutan itu, ia ditukar kepada Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan kini ia dinamakan semula EAEG.

Ketika pentadbiran Presiden Bill Clinton, idea EAEG itu dibantah tetapi Washington memberi laluan mudah kepada penubuhan kumpulan serupa di Barat iaitu Kesatuan

DARI MUKA 1

Eropah (EU) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

"Dulu pun kita kata sedangkan mereka mempunyai EU dan Amerika pula mempunyai Nafta. Apa salahnya Asia Timur mempunyai EAEG. Walaupun demikian tekanannya ialah supaya tidak diadakan melainkan dengan penyertaan negara tertentu," katanya.

Ditanya sama ada tekanan itu masih berterusan dalam pentadbiran Bush, beliau berkata: "Setakat ini saya tidak mendengar apa-apa."

Mengenai kemungkinan Jepun yang pada mulanya membantah penubuhan EAEG kerana takut kepada Amerika tetapi kini menyokongnya pula disebabkan pendirian Washington sudah berubah, Perdana Menteri berkata beliau tidak boleh membuat andaian.

"Ketika di Jepun saya jumpa Koizumi berbincang perhubungan dua hala dan memberi sokongan kepada hasrat kita menjadi sekretariat kepada Asean + 3," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Koizumi memberi pengakuan untuk memberi sokongan kepada per-

mintaan Malaysia terhadap pembiayaan projek prasarana.

Mengenai lawatannya ke Korea Selatan, Dr Mahathir berkata beliau amat kagum kerana Seoul mencapai pertumbuhan ekonomi yang amat luar biasa iaitu 5.7 peratus pada suku pertama tahun ini.

"Mereka mempunyai industri yang amat berjaya termasuk automotif, elektronik, teknologi tinggi. Mereka berjaya menjual 1,000 kereta pacuan empat roda sebulan di pasaran Amerika dan dalam setahun mereka mengeluarkan 2.6 juta kereta.

"Ini adalah angka yang besar bagi sebuah negara yang belum diiktiraf sebagai sebuah negara maju dengan penduduk 46 juta. Kita berpendapat, kita harus mempelajari dari Korea bagaimana mereka dapat pulih begitu kuat sekali, sedangkan mereka berhutang AS\$56 bilion daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan sudah membayar balik sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata, nampak jelas sekali kemampuan Korea Selatan menguruskan ekonomi mereka.

"Kita akan mempertingkatkan lagi Dasar Pandang Ke Timur ke Korea, terutamanya dengan menghantar penuntut kita ke sana," katanya.

LIHAT MUKA 2